

Warga tempatan digalak sertai sektor binaan

Berita Harian (Nasional) 11/3/21 (Khamis) m/s: 8

Kuala Lumpur: Kementerian Kerja Raya (KKR) menggalakkan warga tempatan hilang pekerjaan akibat penularan COVID-19, untuk menyertai sektor pembinaan yang kini berdepan kekurangan tenaga pekerja.

Menterinya, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata warga tempatan boleh menyertai sektor itu, sama ada di peringkat pengurusan atau kerja 3D (kotor, bahaya dan sukar) dengan menjalani latihan bersama Lembaga Pembangunan Industri Binaan Malaysia (CIDB).

Bagaimanapun, beliau mengakui sektor itu berdepan tugas mencabar menarik rakyat tempatan untuk bekerja dalam bidang 3D, menyebabkan rata-rata tapak pembinaan tidak dapat beroperasi dengan kapasiti penuh.

"Sekarang, sempadan negara masih ditutup, sebab itu pekerja asing dari luar tidak boleh masuk. Itu cabaran kita.

"Maka kita galakkan rakyat kita yang terjejas akibat COVID-19 menyertai sektor pembinaan," katanya selepas Majlis Penyerahan Surat Setuju Terima (SST) Untuk Projek Infra Rakyat di sini, semalam.

Fadillah berkata, kekurangan jumlah pekerja dalam sektor



Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Eddin Syazlee Shith menyampaikan tender kepada Pengarah JKR Pahang, Hafizah Zakaria sambil diperhatikan Fadillah di Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Hairul Anuar Rahim/BH)

pembinaan ketika ini agak ketara, terutama di beberapa negeri, menyebabkan kebanyakan tapak pembinaan tidak dapat beroperasi dengan kapasiti penuh.

"Lebih 90 peratus tapak pembinaan beroperasi, namun majoriti dengan kapasiti antara 50

hingga 75 peratus. Hanya segelintir dapat beroperasi pada kapasiti 100 peratus," katanya.

Terdahulu, Fadillah menyerahkan SST kepada empat kontraktor untuk pembangunan infrastruktur dan prasarana bagi empat projek di bawah Kementrian Pendidikan dan Kementrian Pengajian Tinggi bernilai kira-kira RM600 juta.

Antaranya projek pembinaan dan penyiapan Hospital Pengajar dan Pusat Kesihatan Prima (PKP) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Kota Samarahan, Sarawak, dengan kapasiti 300 katil bernilai RM485.9 juta.

Katanya, projek kedua adalah pembinaan Kompleks Sukan Kampus Gong Badak di Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Kuala Terengganu, dengan kontrak bernilai RM18.89 juta.

"Ketiga, penyiapan baki kerja projek pembinaan Pusat Islam dan Pembangunan Insan serta masjid berkapasiti 3,500 jemaah di Universiti Malaysia Pahang (UMP) dengan kos RM11.9 juta.

"Projek keempat adalah pembinaan blok baharu bagi Kelas Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) serta kemudahan mesra Orang Kurang Upaya (OKU) di Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara, Labuan dengan kos RM9.96 juta.

Pada majlis sama, Fadillah turut menyerahkan sijil penghargaan kepada JKR Sabah yang berjaya mengeluarkan SST bagi 10 projek di bawah Program Sekolah Daif Sabah 2020.